

**KEIKHLASAN PEMANGKIN KEGEMILANGAN  
DI S.K. BANDAR UDA 2, JOHOR BAHRU**

FUZIAH BT. HASAN, PIS

Guru Besar

S.K. Bandar Uda 2, Johor Bahru, Johor

**ABSTRAK**

*Program Keikhlasan Pemangkin Kecemerlangan telah diserapkan kepada semua guru di Sekolah Kebangsaan Bandar UDA 2 oleh pihak pentadbiran dan bermula pada tahun 2003 oleh Puan Fuziah Hj. Hasan, PIS. Program ini melibatkan seluruh warga SK Bandar UDA 2 termasuk guru-guru serta staf sokongannya. Program ini merupakan tonggak bagi semua program kecil lain yang dijalankan di sekolah. Kertas kerja ini membincangkan keseluruhan pengisian serta impak program ini kepada SK Bandar UDA 2 dan seterusnya menjadi amalan seluruh warganya dalam setiap aspek kehidupan harian khususnya organisasi dan pengurusan sekolah. Tumpuan program ini adalah proses menimbulkan rasa keikhlasan terhadap apa jua tanggungjawab yang datang seiring dengan tugas dalam kalangan warga SK Bandar UDA 2; khususnya pihak pengurusan, guru-guru dan murid-murid. Seperti program-program lain, program ini juga menghadapi cabaran serta pengalamannya yang tersendiri. Selain itu, dibincangkan juga faktor-faktor lain yang menyumbang kepada kejayaan program ini yang seterusnya melonjakkan paradigma warga S.K. Bandar UDA 2 selangkah demi selangkah.*

**PENDAHULUAN**

Pn. Fuziah binti Hassan dilahirkan pada 14 Mei 1955 di Johor Bahru, Johor. Mendapat pendidikan awal di SK Kampung Pasir, Johor Bahru. Beliau menyambung pelajaran menengahnya di SMK Tasek Utara dan SMK Sultan Ismail, Johor Bahru. Keputusan cemerlang yang diperoleh dalam Sijil Tinggi Pelajaran melayakkan beliau melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Beliau bermula sebagai guru biasa pada tahun 1978 di SMK Sultan Alauddin Bukit Besar, Kulai, Johor. Seterusnya, pada tahun 1979-1984 di SMK Sultan Alauddin Riayat Shah 1 Pagoh, Muar, tahun 1985-1996 di SMK Sultanah Engku Tun Aminah , Johor Bahru. Semasa di sekolah ini, beliau membawa banyak kejayaan dalam drama, tarian, dan nyanyian lagu asli peringkat negeri Johor. Semasa beliau memegang jawatan guru besar

di SK Nong Chik, sekolah tersebut telah dicalonkan sebagai Sekolah Harapan Negara. Sekolah tersebut menjadi johan peringkat daerah dan mewakili negeri Johor ke peringkat kebangsaan hasil kerja keras beliau dan guru-guru sebelum berpindah ke SK Bandar UDA 2 pada tahun 1997.

Pada tahun 1997, beliau dinaikkan pangkat sebagai Guru Penolong Kanan merangkap Guru Besar di SK Tanjung Puteri. Seterusnya, beliau dinaikkan pangkat pula sebagai Guru Besar di SK Ngee Heng, Johor Bahru pada tahun 1998. Pada tahun 1999-2003, beliau ditugaskan untuk mentadbir SK Nong Chik, Johor Bahru dan sekali lagi beliau berpindah dan ditugaskan di SK Bandar Uda (2) bermula tahun 2003 sehingga kini.

#### **ANUGERAH DALAM PERKHIDMATAN**

Sumbangan beliau yang cemerlang dalam bidang pendidikan mendapat penghargaan dan pengiktirafan daripada kerajaan di mana beliau telah dikurniakan Pingat Ibrahim Sultan (PIS) daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada tahun 2003. Beliau juga telah dikurniakan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1994, 2001 dan 2003. Beliau juga dianugerahi Kepimpinan Aktif sempena perayaan Hari Guru Peringkat Daerah Johor Bahru pada tahun 2009. Beliau juga berjaya memperoleh Diploma Sumber Manusia daripada Institut Aminuddin Bakri.

#### **PROGRAM PENGANTARABANGSAAN**

Selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia, sekolah-sekolah berprestasi tinggi perlu mengadakan jaringan hubungan dan menjalin program-program kerjasama dengan negara-negara maju dan membangun. Sekolah-sekolah Berprestasi Tinggi juga perlu meningkatkan jalinan kerjasama peringkat dua-hala (*Bilateral*) dan pelbagai-hala (*Multilateral*) melalui pelbagai saluran kerjasama di peringkat antarabangsa seperti ASEAN, UNESCO, ISESCO, Komanwel, dan SEAMEO.

Oleh itu, program ini telah membuka peluang kepada beliau ke New Zealand dan berkursus selama 3 minggu di University of Waikato disertai oleh seramai 18 org sebagai pemimpin kluster 2007. Beliau juga berpeluang melawat sekolah di Sydney, Australia bersama Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Johor. Pada tahun 2010, beliau berpeluang menyertai misi keamanan ke Padang, Indonesia bersama Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Johor. Beliau juga pernah melawat pra sekolah di Beijing China bersama Majlis Guru-Guru Besar Johor Bahru. Semasa penganugerahan sekolah kluster kepada SK Bandar UDA 2, guru besar juga berpeluang ke negara Jepun tetapi disebabkan beliau berada di New Zealand, beliau telah diganti oleh Penolong Kanan.

## LATAR BELAKANG SEKOLAH

Sekolah Kebangsaan Bandar Uda 2, Johor Bahru telah dibuka pada 15 April 1990. Pada awal penubuhannya, sekolah ini merupakan cawangan Sekolah Kebangsaan Kompleks UDA, Johor Bahru namun mula mempunyai pentadbiran sendiri pada 1 Mei 1990. Sekolah ini dibina di bawah projek Kementerian Pendidikan Malaysia dan dimulakan pada tahun 1988 dengan nilai projek kurang RM 2.5 juta.

Pada awal pembinaan, kemudahan fizikal (bangunan) terdiri daripada 1 blok kantin dan 2 blok 3 tingkat yang mana terletak pejabat yang mempunyai Bilik Guru Besar dan Penolong Kanan, 20 bilik darjah, Pusat Sumber, Surau, Bilik Kesihatan, Bilik Kaunseling, Kedai Buku, Bilik Guru, Makmal Sains, Bengkel Kemahiran Hidup dan Stor Am. Pada tahun 2000, tambahan 1 blok bangunan 4 tingkat dibina untuk menampung bilangan pelajar yang semakin bertambah dari tahun ke setahun.

Kemajuan pesat bandar raya Johor Bahru menyebabkan sekolah ini berkembang dengan cepat. Bilangan pelajar dan guru bertambah dua kali ganda menjelang tahun 2002. Perkembangan bandar raya Johor Bahru yang menekankan sektor perindustrian perkhidmatan dan perdagangan berdasarkan kepada sains dan teknologi dan ekonomi menuntut sekolah memberi penumpuan kepada aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang selari dengan perkembangan tersebut. Justeru inisiatif diambil sedikit demi sedikit oleh pihak pentadbiran untuk memajukan sekolah dan memuncak pada tahun 2003. Sekolah berjaya meraih beberapa anugerah oleh Kementerian Pelajaran Malaysia seperti Sekolah Cemerlang Malaysia, Sekolah Kluster Kecemerlangan dan yang tertinggi Sekolah Berprestasi Tinggi.

Dalam bidang akademik, pencapaian SK Bandar UDA 2 amat membanggakan terutama kejayaan UPSR di mana bilangan pelajar yang mendapat 5A teramai di negeri Johor khususnya. Sebagai sekolah yang sentiasa mementingkan kejayaan dan disiplin, SK Bandar UDA 2 amat prihatin dengan murid-murid kerana guru-gurunya sentiasa komited dalam bidang pendidikan dan sentiasa berusaha untuk memajukan sekolah dalam pelbagai aspek agar SK Bandar UDA 2 Johor Bahru menjadi contoh terbaik kepada sekolah-sekolah lain amnya dan di negeri Johor khususnya.

## CABARAN SEBAGAI SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI

*“Dalam membina kecemerlangan, pemimpin sekolah mesti mengenal pasti secara spesifik cabaran yang perlu ditangani, mempunyai fokus yang jelas mengenai hasil dan prestasi yang ingin dicapai dan mengamalkan secara berterusan budaya ingin cemerlang.”*

(Tan Sri Muhyiddin Yassin, 2009)

Cabaran semestinya ada dalam mencipta kecemerlangan. Kita perlu bersama menyingsing segala kekuatan yang ada dalam mengatasi cabaran ini dengan penuh keikhlasan. Saya percaya hanya dengan keikhlasan, cabaran-cabaran ini dapat dilihat secara positif dan akan lahirnya cara untuk menghadapinya.

*Katakanlah: "Sesungguhnya aku disuruh supaya aku menyembah Allah serta ikhlas kepada agamanya."*

(Surah Az-Zumar 39 Ayat 11)

Pengumuman 20 buah Sekolah Berprestasi Tinggi oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 2009 telah menobatkan Sekolah Kebangsaan Bandar Uda 2 sebagai salah sebuah Sekolah Berprestasi Tinggi. Berita gembira ini menjadi pemangkin kepada pihak sekolah untuk mengekalkan kejayaan dan meningkatkan prestasi sekolah ke tahap yang lebih gemilang. Walaubagaimanapun cabaran yang sedia ada perlu diatasi bagi memberi laluan yang lebih lancar kepada program-program peningkatan prestasi yang telah dirancang. Antara cabarannya ialah:

1. Persaingan dalam kalangan sekolah-sekolah kebangsaan untuk mengekalkan rekod bilangan 5A
2. Melahirkan murid-murid yang cemerlang dalam akademik dan tinggi nilai sahsiah
3. Kehadiran awal murid-murid ke sekolah untuk Program Pagi yang melibatkan empat subjek teras, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains menarik minat murid-murid menghayati *Best Practices* sekolah dan menjadikannya satu amalan yang berterusan.

*"Dalam kesungguhan kita untuk meningkatkan prestasi, jangan kita lupa bahawa para pelajar perlu dididik dengan nilai-nilai murni. Mereka perlu diasuh supaya sentiasa menghormati guru dan ibu bapa, berikhtiar meningkatkan keupayaan diri, bantu-membantu dan bersaing secara sihat bagi mencipta kejayaan bersama. Nilai-nilai murni ini merupakan teras budaya kecemerlangan yang mestilah dijadikan pendorong utama lonjakan prestasi sekolah."*

(Tan Sri Muhyiddin Yassin, 2009)

## PRASTRATEGI

Sekolah ialah suatu jenis organisasi yang mempunyai corak kuasa yang formal serta peraturan dan prosedur yang rasmi. Sistem pentadbiran sekolah, yang merupakan struktur yang formal sering mengamalkan sistem birokrasi.

Apa yang saya perhatikan, untuk meningkatkan kesedaran kendiri tentang situasi sekolah, penghayatan rohani sangat penting kerana di sinilah titik tolaknya martabat sesebuah institusi itu ditampilkan selari dengan pembangunan modal insan. Pada peringkat awal, perhatian lebih ditumpukan kepada pencapaian akademik melibatkan beberapa program khas yang dirancang demi pencapaian lulus 100% dalam semua subjek keseluruhannya. Keperluan mendapatkan pasukan (*teamwork*) sangat penting dan keperluan membangunkan ahlinya supaya dapat menggerakkan institusi pendidikan ke arah kejayaan. Budaya kerja tidak mengira masa saya terapkan kepada kakitangan sekolah ini. Bagi saya, keberkatan dalam melakukan sesuatu kerja itu hanya akan dapat dicapai sekiranya niat dalam sesuatu perkara itu adalah kerana Allah. Jika kita tidak berkira, bekerja lebih masa, lebih rahmat akan datang kepada kita. Strategi diatur bersama-sama ketua panitia dan guru-guru. Secara tidak langsung, keikhlasan menjadi tunjang untuk mencapai kegemilangan jati diri dan pembinaan modal insan.

Daripada Abu Hurairah RA berkata, Nabi Muhammad saw bersabda:

*“Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada jasad dan rupa bentukmu tetapi melihat kepada hatimu (keikhlasanmu).”*

(Hadith Riwayat Muslim)

Mentadbir SK Bandar UDA 2 memerlukan komitmen yang sangat tinggi untuk meningkatkan kesedaran kendiri tentang situasi sekolah. Saya yakin penuh dengan kemanusiaan. Kejayaan hanya dapat dicapai dengan adanya kekuatan rohani dan jasmani yang besar untuk memberi harapan bahawa masa hadapan yang digapai penuh dengan kecemerlangan dan kegemilangan. Kita hanya menyalurkan kekuatan rohani dan jasmani itu ke arah cita-cita untuk membangunkan insaniah guru dan murid bagi menjamin kualiti warga sekolah ini. Bagi saya sesuatu yang dibuat secara ikhlas akan mendapat pulangan yang baik dan mengamalkan sentuhan keinsanan. “B U K T I” merupakan amalan hidup yang saya praktikkan untuk mentadbir sekolah ini bersama guru-guru.

- B- Berkat kerja kerana Allah
- U- Utamakan pelanggan
- K- Kurangkan masalah disiplin
- T- Tidak berkira
- I- Ikhlas, jujur dan amanah

Prinsip hidup saya, sentiasa bekerja mengikut masa, mempunyai program tertentu, sentiasa mendisiplinkan diri dalam menjalankan tugas sehari-hari. Bagi saya masa adalah amat berharga dan perlu dihargai. Kemampuan kepimpinan sekolah mewujudkan persekitaran kondusif menjadi pemangkin kegemilangan.

**Sabda Rasulullah saw,**

***“Sesungguhnya Allah menyukai hamba yang melakukan sesuatu pekerjaan dengan tekun”***

## **PROGRAM SENTUHAN KEINSANAN**

Sebagai sekolah yang menunjukkan potensi yang cemerlang dengan peningkatan UPSR setiap tahun, SK Bandar Uda 2 sentiasa perlu merancang dan melaksanakan program yang selari dengan kejayaan program. Apabila saya dihantar menjadi Guru Besar SK Bandar Uda 2, saya mula mencari resipi meningkatkan kecemerlangan dan sedikit terpengaruh dengan pendekatan holistik.

Program 7.05 pagi mula dilancarkan bagi memastikan murid boleh datang awal ke sekolah. Murid mula dilatih untuk menerima ilmu dengan pelaksanaan setiap subjek utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Guru menyediakan bahan yang lengkap, ditampal di dalam buku teks diulang pengamatannya setiap hari.

Program *Inspire and Remedial* diberikan tumpuan khusus untuk persediaan Tahun 6 dan peperiksaan UPSR. Murid-murid yang lemah diberikan guru pembimbing khas secara individu dan kelompok kecil. Guru memberi bimbingan di luar waktu belajar. Aktiviti Pemantauan Rakan Sebaya merupakan satu program yang dapat dilaksanakan sebagai bonus tambahan kepada program berkala SK Bandar Uda 2. Program yang dilaksanakan ini lebih khusus untuk memupuk rasa tanggungjawab dan prihatin terhadap teman seilmu. Pelajar cemerlang akan digandingkan untuk membantu mengajar murid lemah untuk memberi laluan kepada kejayaan holistik 100%. Program dijalankan mengikut ketetapan masa dan dipantau oleh guru.

*International Competition and Assessment (ICAS)* mula diperkenalkan sebagai menyahut kempen kementerian bagi Program Pengantarabangsaan Pelajar melalui subjek Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Pelajar dipilih menduduki peperiksaan ini untuk menguji tahap pencapaian murid. Tujuan utama bagi menilai penguasaan pelajar terhadap soalan-soalan aras tinggi dan berkualiti. Penilaian dicapai mengikut gred. Peperiksaan pertama yang diduduki berjaya menempatkan dua orang pelajar memperolehi keputusan *higher distinction*. Pencapaian ini sangat memberangsangkan.

## **PEMANTAUAN MENYELURUH DAN BERTERUSAN**

Maka sudah tentu pendekatan pemantauan berterusan melibatkan guru, murid dan komuniti ibu bapa merupakan elemen penting dalam menentukan kejayaan organisasi sekolah. Saya meletakkan prinsip bahawa keakraban mengendalikan semua komuniti ini akan berjaya membentuk hala tuju budaya kerja yang dikehendaki.

Hari Terbuka Akademik merupakan satu aktiviti yang menjadi satu elemen penting dalam pembentukan hubungan dua hala antara sekolah, guru, ibu bapa dan murid. Hari Terbuka diadakan sebanyak 3 kali setahun merupakan rutin mula, pertengahan dan klimaks yang memastikan ibu bapa mengikuti sepenuhnya perkembangan murid dari segi pencapaian akademik dan perkembangan sahsiah. Guru berpeluang memperbaiki kelemahan pelajar secara keseluruhan secara berkala.

Saya menjadikan perjumpaan bersama guru-guru tahun 6 pada setiap hari Rabu merupakan perjumpaan profesional sebagai aktiviti rutin sekolah. Perkara ini penting untuk memastikan guru berpeluang melihat segala permasalahan dan bersama-sama memperbaikinya. Saya sentiasa memastikan guru-guru dididik untuk membangkitkan rasa persaingan kerja yang sangat positif. Pembentangan *headcount* setiap guru mula diperkenalkan. Selepas selesai setiap peperiksaan, *headcount* yang dijalankan akan menunjukkan pencapaian prestasi setiap mata pelajaran setiap kelas dan bagi setiap guru.

Guru-guru akan dipantau secara berkala. Pemantauan berkala ini akan melibatkan barisan guru-guru kanan, guru-guru kanan panitia dan guru-guru senior. Semua pemantauan yang dijalankan ini akan didokumentasikan secara bersistem. Pemantauan yang dijalankan termasuk pemantauan pengajaran dan pembelajaran, pemantauan buku-buku latihan murid, pemantauan semua dokumen aktiviti yang dijalankan termasuk program 7.05 pagi, program *Inspire* dan *Remedial*, program *Partnership* dan program ICAS. Pemantauan ini jelas memberi impak yang besar dalam merealisasikan kejayaan demi kejayaan yang memberangsangkan.

## **PERSEKITARAN PEMBELAJARAN YANG KONDUSIF**

Pengurusan bilik darjah meliputi guru sebagai perancang kurikulum, pengorganisasi prosedur dan sumber, penyusun persekitaran kelas yang efisyen, penyelia prestasi murid serta pengenal pasti masalah potensi murid.

Bilik darjah merupakan lebih daripada hanya sebuah ruang pembelajaran yang merupakan penggalak interaksi antara murid dan guru. Selain mengajar, guru memainkan peranan sebagai seorang pengurus di dalam sesebuah bilik darjah. Menyedari pentingnya

bilik darjah, setiap guru SKBU2 akan memastikan tahap keselesaan yang sangat tinggi dalam kelas mereka. Kelas-kelas dihias cantik dengan paparan ilmu yang dapat mewujudkan suasana persekitaran yang sangat kondusif.

Ibu bapa juga sentiasa memberi sumbangan dari segi kebendaan dan juga idea dalam memastikan anak-anak bangga dengan kelas mereka. Pelbagai bentuk sumbangan yang diberi membuatkan murid-murid bangga dengan identiti kelas mereka dan sentiasa menjaga dan meningkatkan keceriaan kelas.

Bilik-bilik khas juga dilengkapi dengan kemudahan untuk para guru dan murid. Setiap bilik dihias cantik mengikut kreativiti guru-guru yang bertanggungjawab. Pujian yang sering diterima bukanlah noktah kepada usaha penambahbaikan. Guru-guru ini sentiasa berinovasi untuk menjadikan bilik khas mereka yang terbaik. Mereka akan sentiasa berbincang dan meminta pendapat daripada pihak pentadbiran dan rakan-rakan guru yang lain.

Cyber A dan Cyber B yang digunakan untuk pembelajaran dan pengajaran juga dihias cantik. Pelatih komputer yang bertugas juga tidak ketinggalan dalam memberi sumbangan kepada keselesaan murid-murid. Keselesaan ini menggalakkan murid-murid untuk masuk ke Cyber A dan Cyber B pada waktu rehat untuk melayari Zoom A. Tambahan pula bayaran perkhidmatan pekerja Cyber A dan Cyber B merupakan sumbangan daripada ibu bapa SK Bandar Uda 2.

Taman Sains dan Sudut Sains diwujudkan sesuai dengan kejayaan sekolah mendapat pengiktirafan sebagai Sekolah Kluster. Kewujudannya memberi impak yang besar kepada murid-murid. Murid-murid berpeluang merasai pengalaman baru dan menghayati ilmu sains di luar kelas.

## KOMUNITI

Sebagai seorang ketua, meletakkan sasaran menjadikan "Sekolahku adalah Syurgaku" kepada semua warganya, sudah semestinya meningkatkan prasarana sekolah adalah satu matlamat utama. Prinsip yang sangat penting yang perlu diperaktikkan sudah semestinya mendekati dan mempengaruhi ibu bapa untuk sama-sama menggembangkan tenaga meningkatkan taraf kondusif setiap persekitaran sekolah dan bilik-bilik darjah.

PIBG mula digerakkan secara aktif bagi memastikan semua ibu bapa terlibat secara langsung dalam memberi sumbangan yang menjadi aset tetap kepada pembangunan sekolah. Kempen bersama semua guru berjaya menarik ibu bapa sama-sama menyumbang kelengkapan penyaman udara, jubin lantai bilik darjah, papan putih dan kelengkapan lang�ir yang terkini, loker besi, set komputer, projektor, surau, pondok pengawal dan dewan sekolah untuk memberi keselesaan kepada semua penghuninya.

Peranan yang dimainkan oleh semua pihak dalam meningkatkan kehebatan sekolah bagi menyediakan kemudahan kepada semua warganya sangat memberangsangkan. Dana untuk membina surau berjaya dikumpulkan sebanyak RM150 000. Terdirinya surau SKBU 2 pada tahun 2007 merupakan lambang kejayaan dan kehebatan sumbangan daripada pihak ibu bapa dan masyarakat setempat kepada pihak sekolah. Terkini sebanyak RM600 000.00 telah berjaya dikumpulkan bagi tujuan membina dewan bagi SKBU 2. Peranan besar yang disumbangkan oleh masyarakat setempat sesungguhnya berjaya menjadikan sekolah semakin hebat dan sangat menonjol keseluruhannya.

## **PROGRAM KENALI DIRI**

Program pembangunan insaniah memerlukan komitmen yang sangat tinggi daripada pihak sekolah. Bagi saya Allah akan berikan laluan yang terbaik, sekiranya usaha yang mantap dan hebat dilaksanakan dengan amalan-amalan yang berterusan yang akan diberkati Allah. Matlamat saya menjadikan SKBU 2 terus cemerlang jelas ditonjolkan dengan memastikan persediaan guru 100% setiap kali menyertai pertandingan dan menghadapi peperiksaan.

Program Bacaan Yassin diadakan setiap pagi Jumaat. Seluruh warga SKBU 2 akan membaca Yasin. Bacaan Yassin dapat memupuk dan membina hati yang betul. Bagi murid-murid tahun 6, aktiviti ini akan dibuat berterusan setiap hari selepas UPSR sehingga keputusan UPSR hendak diumumkan. Bacaan Yassin juga dibaca oleh ibu bapa ketika anak-anak mereka menghadapi peperiksaan UPSR. Sekurang-kurangnya jiwa anak-anak mereka akan lebih tenang apabila menghadapi peperiksaan.

Program Solat Hajat dan Solat Dhuha pada setiap hari, dimasukkan dalam subjek Agama Islam dan menjadi silibus dalam subjek tersebut di mana solat-solat tersebut dilakukan secara praktikal. Solat-solat ini mengingatkan murid bahawa selain daripada berusaha bersungguh-sungguh, berdoa dan bertawakkal juga adalah cabang usaha yang diperlukan dalam membina kehebatan diri.

Budaya bersalam dengan guru dan para tetamu yang hadir menjadi amalan baik untuk melatih murid supaya melahirkan rasa hormat yang tinggi. Murid-murid akan bersalam dengan guru-guru dan guru-guru akan mendoakan dan menyebut "Saya doakan 5A" kepada setiap murid dan murid mengaminkan doa.

## HAL EHWAL MURID DAN GURU

Bidang Hal Ehwal murid di sekolah ini memerlukan sokongan guru. Antara program dan aktiviti yang diusahakan:

- *Perfect Prefects* ialah hasrat mewujudkan organisasi Pengawas Sekolah yang benar-benar membantu sekolah serta berketrampilan untuk menjadi modal setelah menamatkan persekolahan. Sesi latihan dalaman terancang disusun supaya mereka memperolehi kemahiran yang diperlukan untuk mengawal murid, menyediakan laporan serta mengurus aktiviti.
- Sesi *brainstorming* pengawas, ketua kelas dan penolong ketua kelas untuk mencadangkan apa yang dikehendaki oleh murid selain yang disediakan oleh pihak sekolah.
- Program ‘Pengawas Terbilang’ yang bertujuan memberi latihan kepimpinan melalui ceramah, bengkel, lawatan penanda aras dan kursus di peringkat daerah.
- Pengiktirafan kepada kecemerlangan murid dalam semua bidang melalui makluman dalam perhimpunan rasmi, pengumuman, ruang dalam Buletin Gigih serta paparan gambar kegiatan di papan kenyataan.
- Merangka dan meminda peraturan atau prosedur di sekolah untuk meminimakan masalah disiplin atau meningkatkan suasana lebih kondusif.
- Menyediakan tabung kebajikan bagi membantu murid yatim, miskin dan yang memerlukan melalui sumbangan peribadi guru, sumbangan ibu bapa dan badan korporat yang mempunyai hubungan baik dengan guru dan staf.

## IMPAK

“Keikhlasan Pemangkin Kegemilangan” telah membuka peluang baru untuk SK Bandar UDA 2 melakar kecemerlangan dengan lebih jauh. Ia sememangnya menjadi pendorong untuk peka akan persekitaran tugas, bersikap objektif, berfokus dan realistik. Pendekatan latihan pembangunan memang berkesan kerana bimbingan yang diberi dapat diaplikasi dengan suasana yang positif.

Keupayaan dan keikhlasan guru-guru bekerja dengan penuh komitmen dan dedikasi untuk mempamerkan sekolah dalam keadaan terbaik amat jelas apabila:

- Menerima pelbagai Anugerah di Peringkat Daerah, Negeri dan Kebangsaan.
- Anugerah Sekolah Cemerlang Malaysia (2007)
- Anugerah Sekolah Tonggak PPD JB (2007)
- Anugerah Sekolah Cemerlang (2007)
- Anugerah Kluster Kecemerlangan (2009)
- Anugerah Sekolah Berprestasi Tinggi (2010)
- Anugerah Bilangan Teramai Mendapat 5A di Johor Bahru (2003-2009)

Apa yang jelas ialah guru-guru dan kakitangan bertugas secara lebih yakin dan ikhlas walaupun dalam tekanan 'stakeholders' serta status semasa. Walaupun keputusan ujian dan percubaan tidak menunjukkan yang terbaik, tetapi tiada kegusaran ketara dalam kalangan guru kerana usaha gigih dan kesungguhan diteruskan hingga ke akhirnya. Ketekunan dan kegigihan guru-guru amat jelas tergambar apabila:

- ❖ Pencapaian UPSR tahun 2009 melonjak melepas sasaran sekolah iaitu seramai 103 orang yang mendapat 5A
- ❖ Subjek Matematik mencapai keputusan 100%
- ❖ Pencapaian setiap subjek UPSR melepas 95%
- ❖ Puan Camelia bt Mohd Kamal seorang guru Sains SK Bandar UDA 2 telah berjaya mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa dalam THAILAND-MALAYSIA JOINT SEMINAR di Bangkok, Thailand pada tahun 2009 dengan tajuk kajian tindakannya; "*Fair and unfair knowledge: Green beans cars race for Year Two.*"
- ❖ Pencapaian Gold Award, 2 orang murid menyertai Malaysian Asian Schools Mathematics Olympiads (2010). Buat julung kalinya, SK Bandar UDA 2 merupakan satu-satunya sekolah rendah di Malaysia yang berjaya mendapat anugerah ini.
- ❖ Johan dalam *English Competition* Peringkat Kebangsaan (2010)
- ❖ Johan Robotik Kategori Adventurous (2010)
- ❖ Naib Johan Robotik Kategori Terbuka (2010)
- ❖ Best Mentor Award Robotik (2010)

## KESIMPULAN

Berdasarkan apa yang telah dialami dan dikongsi dalam kalangan komuniti sekolah yang terlibat dengan Pra-Strategi, SK Bandar Uda 2 telah mencuba yang terbaik berdasarkan keadaan dan cabaran tersendiri, segala apa yang dipraktikkan telah meninggalkan impak yang mendalam malahan di luar jangkaan dalam tahun pertama pelaksanaannya. Langkah yang tidak lagi menoleh ke belakang telah memacu SK Bandar Uda 2 terus cemerlang, gemilang dan terbilang. SK Bandar Uda 2 telah melalui sebahagian proses prastrategi dan berbangga dengan hasilnya.

## BIBLIOGRAFI

- Mok, S.S. 1993. *Asas pembelajaran dalam bilik darjah.*
- Muhammad Ahmad Abd al-Jawwad. (2004). *35 Akhlak Terpuji seorang pemimpin.* Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Toler, S. (2002). *Minute motivators for teachers.* Petaling Jaya: Quest Publications.
- Williams, P. (1997). *The magic of team work.* Kuala Lumpur: Advantage Quest.